

## Stadium Darul Makmur venue terbaik final Piala FA - Pekan

Firdaus Hashim

[firdaushashim@hmetro.com.my](mailto:firdaushashim@hmetro.com.my)



PEMAIN Terengganu FC meraikan kemenangan ke atas Selangor FC di separuh akhir Piala FA, Sabtu lalu. FOTO GHAZALI KORI

Kuala Lumpur: Pemerhati bola sepak tempatan, Datuk Dr Pekan Ramli melihat Stadium Darul Makmur sebagai venue paling sesuai untuk diadakan aksi final Piala FA antara Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Terengganu FC, hujung bulan ini.

Pekan berkata, faktor geografi iaitu Pahang yang berada di tengah-tengah antara Johor dan Terengganu dilihat sesuai bagi memudahkan pergerakan penyokong masing-masing untuk menghangatkan aksi kemuncak itu.

Malah, katanya, kemudahan terdapat di venue berkenaan mencukupi seperti kapasiti stadium untuk 30,000 penyokong, selain permukaan padang cantik dan baik.

"Ada beberapa aspek perlu diambil kira sebelum penentuan stadium untuk perlawanan akhir diadakan.

"Paling utama, ia harus bersifat 'neutral' supaya memberi keadilan buat pasukan dan penyokong masing-masing. Kemudian dari soal logistik iaitu membabitkan pergerakan penyokong untuk hadir ke stadium.

"Sudah pasti Stadium Nasional Bukit Jalil pilihan terbaik tetapi jika ia tidak boleh digunakan disebabkan padang, saya mengesyorkan Stadium Darul Makmur sebagai pilihan paling ideal.

"Disebabkan kedua-dua pasukan adalah berjiran dengan Pahang, jadi amat sesuai Stadium Darul Makmur dipilih. Lagipun kapasiti sejumlah 30,000 cukup dan padang pun cantik," katanya ketika dihubungi.

Selepas dua tahun tidak diadakan akibat pandemik Covid-19, saingan Piala FA kembali dipertandingkan musim ini dengan JDT dan Terengganu muncul dua pasukan terbaik untuk bertembung sesama sendiri di pentas final, hujung bulan ini.

Begitupun, venue final belum dimuktamadkan dan dijangka Liga Bolasepak Malaysia (MFL) akan mengumumkan stadium terpilih itu, esok.

Ditanya adakah relevan aksi final dilangsungkan secara timbal balik, Pekan menganggap idea itu tidak sesuai dan ia perlu diadakan di venue berkecuali.

"Pada saya bila buat dua kali final, keterujaan untuk final kedua nanti dah hilang jika satu pasukan mendahului dengan jaringan besar.

"Jadi lebih sesuai buat satu final saja dan main di gelanggang berkecuali," katanya.

Beliau berharap MFL mengelak mengadakan aksi di salah satu venue dua pasukan final biarpun dengan apa juar alasan bagi mengelak isu ketidak adilan.

**Disiarkan pada: Ogos 8, 2022 @ 5:22pm**